

MODEL NASIHAT LUQMAN AL-HAKIM KEPADA ANAKNYA DARIPADA SURAH LUQMAN

Nur Syafiqah Bt Na'azaha¹
Srie Nur Balqis Binti Arifin²
Fatimah Binti Amzah @ Hamzah³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: nursyafiqahnaazaha@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: Srienurbalqis@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: faathi@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Luqmanul Hakim adalah seorang manusia yang telah dimuliakan oleh Allah SWT sehinggakan nama beliau diabadikan oleh Allah didalam Alquran iaitu Surah Al Luqman. Nama Luqmanul Hakim telah disebut didalam Al-Quran sebanyak 2 kali. Luqmanul Hakim telah dianugerahkan oleh Allah SWT kebijaksanaan dan beliau memiliki nasihat yang sangat baik yang diwarisi kepada manusia sejagat. Nasihat bijak beliau telah dinyatakan didalam AlQuran di dalam Surah Al Luqman dan kita dapat membacanya sehingga kini dan nasihat beliau kepada anaknya dianggap sebagai salah satu bentuk akhlak mulia dan mempunyai hikmah yang besar bagi umat manusia yang mencari pedoman di dalam hidup. Namun masyarakat sekarang, tidak begitu mengenali susuk mulia Luqmanul Hakim dan nasihat emas dari beliau. Kebanyakan nasihat beliau sangat berguna kepada manusia di zaman metropolitan ini, yang mana manusia kini, tandus dengan nasihat dan motivasi untuk meneruskan kehidupan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi membantu masyarakat sekarang mengenali, mencontohi dan mengikuti nasihat emas beliau untuk dijadikan panduan di dalam hidup masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu menganalisis, mengkaji dan menyimpulkan maklumat-maklumat daripada dapatan kajian lepas dan kitab-kitab yang berkait dengan tajuk ini. Pada akhir kajian ini, kita dapat melihat nasihat-nasihat Luqmanul Hakim kepada anaknya boleh diaplikasikan dalam kehidupan. Apa yang boleh disimpulkan ialah nasihat Luqman menimbulkan kesan yang berkekalan apabila didalami maksudnya, membuktikan bahawa Allah telah mengurniakan hikmah kepadanya. Malah, ia masih relevan hingga ke hari ini dan sewajarnya menjadi panduan oleh kita. Semoga kita dapat mengamalkan ajaran Luqman Al-Hakim dan menyebarkan ajaran yang disampaikan.

Kata Kunci: Model Nasihat, Wasiat, Surah Luqman

Pengenalan

Menurut tafsir Al Maraghi, berkata: sesungguhnya Allah telah menganugerahkan hikmah kepada Luqman sehingga beliau sentiasa bersyukur dan memujinya dengan limpah rahmat dan nikmatnya yang dikurniakan kepadanya. Ini disebabkan hanya Dia yang berhak mendapat pujian dan disyukuri. Di samping itu juga, Luqman sering melakukan kebaikan kepada manusia. Luqman Al-Hakim merupakan seorang yang mana namanya disebut didalam al-Quran yang sangat terkenal dengan nasihatnya kepada anaknya sehingga Allah menurunkan satu surah yang dikenali dengan Surah Luqman. Terdapat banyak pandangan ulama' berkenaan dengan nasabnya antara pandangan daripada Ibn Kathir iaitu Luqman ialah Luqman ibn Anqa' ibn Sadun atau Luqman Ibn Tharan merupakan nama beliau menurut Ibn Kathir. Beliau merupakan seorang penduduk Aylah (Jerusalem). Pendapat lain menyebut beliau seorang tukang kayu dan ada juga yang berpendapat bahawa beliau dari Sudan Mesir. Jumhur ulama sepakat mengatakan bahawa Luqman Al-Hakim bukan seorang Nabi melainkan hanyalah seorang wali Allah manakala ulama' salaf pula mengatakan bahawa beliau adalah seorang hamba Allah yang soleh (Tafsir al-quran al-azim:12/348).

Luqman Al-Hakim telah dikurniakan hikmah yang bermaksud kebijaksanaan dan kecerdikan. Luqman Al-Hakim telah menasihati anaknya dengan penuh hikmah dan hal ini terserlah apabila Allah merakam nasihat beliau di dalam Al-Quran di dalam Surah Luqman. Terdapat banyak nasihat beliau yang amat berguna kepada manusia sejagat. Wasiat beliau terhadap anaknya bukan sahaja tertakluk kepada anaknya, namun ianya diguna pakai sepanjang zaman bagi menjadi pendoman kepada kehidupan manusia terutama bila berada di era yang mencabar ini.

Metodologi Kajian

Kajian menggunakan pendekatan kaedah kualitatif, iaitu penelitian perpustakaan. Hasil dapatan dan perbincangan kajian ini diperolehi daripada kaedah ini, dengan menganalisis, mngumpul dan menyimpulkan maklumat- maklumat yang diperlukan oleh kajian daripada daripada dapatan kajian lepas dan kitab-kitab yang berkait dengan tajuk ini.

Kajian Literasi

Terdapat 3 perkara yang akan dibincangkan dalam kajian literasi bermula dengan biografi Luqman Al-Hakim. Seterusnya, nasihat Luqman Al-Hakim dan akhirnya implikasi nasihat Luqman Al-Hakim dalam membentuk sahsiah diri seorang muslim.

Biografi Luqman Al-Hakim

Menurut Siti Rahayu Nurfitriyah (2021) Luqman adalah seorang hamba berkulit hitam dari Arab yang bekerja sebagai tukang kayu dan pengembala. Luqman mempunyai keistimewaan yang tidak dimiliki oleh orang lain kerana Allah SWT menjadikan namanya sebagai salah satu nama surah dalam al-Quran sebagai contoh atau teladan untuk mendidik anak-anak. Mengenai keistimewaan Luqman, ia termasuk berfikir secara kerap atau berhati-hati dalam mana-mana perkara, bercakap benar, menunaikan perintah, menjaga pandangan, menjaga kehormatannya, sentiasa menepati janjinya, dan tinggalkan yang tidak bermanfaat. Bercakap sedikit, menjaga makanan yang dia makan setiap hari, menghormati pelawat dan mengekalkan hubungan mesra dengan jirannya. Dia tidak pernah tidur siang, tidak mandi dan membuang air sembarangan, dia tidak meludah atau memuntahkan kahak sembarangan, dia tidak suka ketawa terbahak bahak, dan dia benar-benar mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Imam Ahmad meriwayatkan dari Mujahid yang mengatakan, Lukman Alhakim adalah hakim yang menangani masalah Bani Israel (Al-Tsa'labi, 2004). Kedudukannya sebagai hakim terjadi

pada zaman Nabi Daud (Kastir, 1990). Menurut Ibnu Kastir, Lukman Al-Hakim adalah seorang laki-laki shaleh, mempunyai ungkapan dan hikmah yang agung dan rajin beribadah. (Kastir, 1990). Menurut pengarang Ruh Al-Bayan, Lukman Al-Hakim adalah hamba yang taat dan berfikiran baik. Dia dan Allah SWT saling mencintai. Dia juga dikurniakan kecerdasan oleh Allah (swt). Kebijakan adalah kemampuan untuk membuat keputusan yang betul dengan perkataan yang diucapkan dan pergerakan yang betul dengan anggota badan. Jika dia bercakap, maka dia melakukannya dengan kebijakan. Jika dia berfikir, maka dia melakukannya dengan kebijakan, dan jika dia bergerak, maka kebijakan mendasari gerakannya. (Al-Barousawi, 2013)

Nasihat Luqman Al-Hakim

Dapatan kajian oleh Fahimah (2022) membuat hipotesis bahawa nasihat nasihat Luqman Al-Hakim mengandungi prinsip-prinsip pendidikan yang mesti didedahkan dan dikembangkan sebagai model pendidikan era ini. Penulis memahami bahawa nasihat Luqman Al-Hakim dalam al-Quran surah Luqman ayat 13-19 adalah penting untuk diterapkan dalam sistem pendidikan. Daripada beberapa nasihat yang terkandung di dalamnya, terdapat 3 perkara besar iaitu: Pendidikan Aqidah, Pendidikan Ibadah dan Pendidikan Akhlak. Pendidikan yang berkesan dalam membentuk keimanan kepada Allah ialah mendidik dengan memberi bimbingan, dan mengingatkan melalui cara memberi nasihat. Maka dengan itu, tidak hairanlah kenapa ayat-ayat yang terkandung didalam Al-Quran terdiri dari ayat-ayat yang berulang pada beberapa peristiwa atau kejadian dengan berbagai petunjuk dan bimbingannya (Yusuf Qardhawi, 1999). Sebagaimana didalam Surah Luqman yang mana Luqman telah menasihati anaknya dengan mewasiatkannya beberapa perkara, menurut Azawiyah (2017) pendidikan Luqman Al-Hakim adalah salah satu cara pendidikan yang telah ditulis didalam Al-Quran.

Kejayaan dan keberkesanan sesuatu proses pendidikan adalah sangat bergantung kepada golongan pendidik. Selain itu, (Rahim, 2018) menyatakan dalam kajiannya dimana berdasarkan ayat 13 surah al luqman, luqman memberi peringatan kepada anaknya dengan membawa konsep nasihat. ia diambil daripada perkataan *ya'izuhu* merupakan *fi'il mudhori* dan perkataan asalnya *wa'azho, waw, 'ain, dan zho* yang membawa makna upaya pemberi nasihat dan peringatan kepada orang lain untuk melakukan perbuatan-perbuatan baik dengan ucapan yang dapat menyentuh dan menggerakkan hati.

Kemudian, nasihat pertama Luqman Al Hakim kepada anaknya berkaitan konsep nasihat tentang akidah atau konsep pendidikan aqidah, iaitu jangan menyekutukan Allah ta'ala. (Liriwati & Armizi, 2021) menghuraikan bahawa penting pendidikan awal seorang muslim adalah dengan memupuk konsep aqidah dalam diri iaitu tauhid mengesakan Allah Ta'ala. ia merupakan landasan umat islam, apabila seorang muslim berpegang teguh dengan tauhidnya maka ia akan selamat dunia dan akhirat namun sebaliknya akan berlaku tanpa tauhid. Tambahan pula, tauhid merupakan awal kehidupan seorang muslim kerana dengan tauhid maka orang tersebut benar-benar meyakini adanya Allah SWT serta berserah diri sepenuhnya pada Allah SWT. oleh demikian, adalah tanggungjawab semua umat islam menanam benih tauhid dari awal usia muda dan mengekalkan kesuburannya agar sentiasa kuat aqidah, mengesakan dan beriman hanya kepada Allah S.W.T.

Dalam jurnal (Mujayyanah, Prasetya, & Khosiah, 2021) pula, menekankan penafsiran Muhammad Quraish Shihab dan n Mustafa Al Maraaghi terhadap Q.S Luqman ayat 12-19 terhadap pendidikan akhlak atau nasihat berkaitan akhlak iaitu menasihati anak-anak disertakan rasa kasih sayang dengan memberikan nasihat-nasihat mengandungi akidah, ibadah dan akhlak. Dengan nasihat mampu melahirkan generasi muda kini yang mulia, berilmu, berwawasan dan tingkah laku yang baik. hasilnya dapat dinyatakan konsep pendidikan akhlak Luqman Al Hakim berupa adab

kepada ibu bapa dan batasannya, adab suara, syukur, tidak bersikap angkuh atau sombong dan hidup sederhana, solat dan sabar, dan tidak menyekutukan Allah dengan lainnya.

Pada sudut nasihat Luqman berunsur ibadah, daripada artikel (Apryani & Abdussalam, 2021) menjelaskan pendidikan syariah adalah pendidikan yang bertujuan untuk mengenalkan, menanamkan, dan menghayati nilai-nilai peraturan Allah mengenai tata cara mengatur perilaku hidup manusia, baik secara vertikal yang berhubungan dengan Allah (ibadah) maupun horizontal yang berhubungan dengan makhluk-Nya(muamalah). Syariah didefinisikan sebagai apa-apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad oleh Allah SWT dalam al-Quran dan Sunnah. Dalam ayat 17, Luqman menyuruh anaknya solat, menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, dan bersabar. Shalat, atau solat, adalah rukun Islam yang kedua.

Implikasi Nasihat Luqman Al-Hakim Dalam Membentuk Sahsiah Diri Seorang Muslim

Nasihat pertama Luqman Al Hakim kepada anaknya merupakan peringatan untuk tidak mempersekutukan Allah S.W.T dan sebagai seorang muslim, sudah terang lagi bersuluh kita wajib beriman dan bertaqwa kepada-Nya. Oleh yang demikian, dengan mengimplikasikan nasihat Luqman tersebut, ia mampu memantapkan lagi iman seorang muslim. Selain itu, menurut suatu tesis ini menyimpulkan asas kecerdasan spiritual seorang muslim adalah beriman hanya kepada Allah S.W.T , serta kayu ukur pada tahap kecerdasan spiritual seorang muslim. Dalam al-quran mahupun hadis-hadis nabi S.A.W juga banyak menyatakan hal keimanan dan keperluan kecerdasan spiritual seorang muslim, tidak lupa pandangan, teori dan falsafah telah dipresentasikan oleh para sarjana islam seperti al-Ghazali, Ibnu Sina, Miskawaih dan Najati (Sudi et al, 2020). Manakala berdasarkan (Hamzah & Shalihah, 2021) dalam artikelnya dengan mengutarakan pendapatnya bahawa menjadi tanggungjawab setiap orang untuk menjaga kesucian akidah di kalangan generasi muda Islam khususnya ibu bapa dan pendidik. Kerana Islam adalah akidah tauhid yang menyembah Allah Subhanahu wa Ta'ala. Hanya ada satu tuhan yang layak disembah, iaitu Allah Subhanahu wa Ta'ala. Umat Islam diwajibkan berpegang kepada kepercayaan ini. Dan inilah yang dimaksudkan oleh masyarakat Islam apabila mereka membaca kalimah Laa Ilaha Illa Allah.

Menurut (Mamat & Rashid, 2013) ada menjelaskan mengenai nasihat Luqman AlHakim iaitu tentang solat, membuat makruf (perkara kebaikan) dan cegah munkar (perkara yang buruk/dilarang) serta bersabar. Apabila perkara tersebut dilaksanakan dengan baik, ia dapat memantapkan disiplin diri seseorang muslim supaya dapat menggalas tanggungjawab di landasan kebenaran. Disimpulkan bahawa dengan solat dan sabar membina jati diri, disiplin diri dan komitmen tinggi kepada semua muslim. Manakala nasihat Luqman Al-Hakim berkaitan akhlak mampu memantapkan lagi sahsiah diri. Kerana pada waktu ini, sedar tak sedar banyak cabaran dan dugaan fitnah dunia dihadapi seseorang muslim terutama generasi muda Muslim yang mudah tenggelam dan cepat menilai dari situasi yang dihadapi terutamanya berkaitan perkara akidah dan syariah islam. Maka dengan mengimplikasikan nasihat-nasihat Luqman al Hakim dapat mantapkan lagi bentuk sahsiah diri seorang muslim dan meneguhkan keimanan didalam diri mereka.

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Mengenai lelaki bernama Luqman al-Hakim ini, terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama. Menurut sebahagian ulama, Luqman al-Hakim yang dirujuk di dalam al-Quran ialah seorang yang hidup pada zaman Nabi Daud a.s. Beliau adalah hamba Allah yang taat dan bertaqwa, dikurniakan kemuliaan dan kedudukan yang tinggi serta ilmu, kebijaksanaan, dan ilmu agama yang mendalam (Najihah Zainal, 2020). Dia mempunyai reputasi sebagai seorang lelaki yang penyabar yang

mahukan yang terbaik untuk anak-anaknya. Al-Quran menyebut Luqman al-Hakim sebagai "al-Hakim" kerana kisahnya yang terkenal di kalangan orang Arab jahiliah, yang melihatnya sebagai seorang yang pandai (Nisa, 2020). Kisahnya menjadi teladan kepada semua orang. Luqman juga seorang yang baik hati yang sangat menitikberatkan ajaran agama demi menyiapkan anak-anaknya menjalani kehidupan mengikut syariat Allah. Kisah Luqman Al-Hakim memberi nasihat kepada anaknya dalam bentuk 14 wasiat diceritakan dalam Surah Luqman, di mana ia secara tidak langsung menjadi panduan kepada ibu bapa tentang cara membesarkan anak-anak dan meningkatkan jati diri mereka.

Menurut kamus dewan edisi keempat, nasihat membawa maksud ajaran, petunjuk yg baik, atau menunjukkan maksud peringatan. Perkataan menasihati pula bermaksud memberi nasihat dalam bentuk suatu ajaran, tunjuk ajar, dan lain-lain.⁴³ Setelah pengkaji menyimpulkan kajian daripada kajian lain, definisi nasihat adalah daripada perkataan nashaha yang mana dari segi bahasa bermaksud lepas (khalas). Dan mengarahkan membuat kebaikan kepada orang yang dinasihati adalah maksud kepada nasihat. Nasihat juga merupakan penghubung kepada kebatilan, kejujuran dan ia amat diperlukan dalam kalangan umat islam (Shakib, 2012). Perkara ini menunjukkan nasihat itu membawa maksud yang baik.

Rasulullah S.A.W pernah bersabda: "Agama adalah nasihat": mereka bertanya: "bagi siapa wahai Rasulullah?" Nabi meneruskan dengan bersabda: "Untuk Allah, untuk Rasul-Nya, pemimpin orang Muslimin dan kepada manusia umumnya." ⁴⁴Hadis ini Riwayat sahih muslim. Berdasarkan hadis tersebut menunjukkan nasihat itu amat penting dalam tuntutan agama islam. Selain daripada hadis ini, kisah Luqman al Hakim yang terkandung dalam al-quran merupakan bukti yang menunjukkan nasihat itu dititik beratkan kepada seluruh umat islam didalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang muslim dan juga sebagai seorang hamba Allah yang beriman dan bertaqwa. Nasihat Luqman boleh diklasifikasikan kepada 3 model pendidikan(masihah) iaitu:

- a) Model Akidah
- b) Model Ibadah
- c) Model Akhlak

Seterusnya, ketiga-tiga model tersebut terkandung nasihat-nasihat Luqman al-Hakim di dalamnya. Pertama, Model akidah mewakili nasihat berkaitan akidah iaitu nasihat tidak menyekutukan Allah subhannahu wa ta'ala dengan yang lain. Kedua, Model Ibadah terkandung nasihat berkaitan menunaikan solat, amar ma'ruf nahi munkar dan sabar menjalani kehidupan. ketiga, model akhlak; yang banyak dinasihatkan Luqman kepada anaknya. ia adalah berbuat baik kepada ibu bapa dan had mentaati mereka, perkara-perkara yang menjaga akhlak seperti tidak bersikap sombong, merendahkan suara, bersederhana dan menjaga tingkah laku kerana setiap amalan ada balasannya. justeru, ia dapat membantu seluruh muslim menguatkan sahsiah diri dengan adanya model nasihat tersebut.

Lubis, Maimun & Najwa, Hanis. (2016) menyimpulkan dalam penulisan mereka iaitu Pedagogi pendidikan berdasarkan surah Luqman, pedoman dalam mendidik anak-anak boleh dirujuk daripada nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya seperti yang terdapat dalam surah Luqman. Selain itu, ia juga menjadi berguna kepada seluruh umat islam sebagai panduan yang baik. Ayat-ayat 13 hingga 19 daripada surah Luqman ini adalah sumber rujukan terkenal kepada semua kerana

⁴³ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴⁴ Sahih Muslim, no.55

penelitian daripada sudut pedagogi yang terdapat di dalam surah Luqman didapati wujud strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang tersusun dalam penyampaian nasihat terhadap anak-anak. Oleh yang demikian, pelbagai perbincangan mengenai nasihat-nasihat Luqman Al Hakim telah dibahaskan. Jika dilihat terhadap perkara ini, mengamalkan dan mengaplikasikannya juga mampu mempengaruhi atau membentuk sahsiah yang baik dalam diri setiap muslim. Antara implikasinya kepada sahsiah diri muslim adalah dapat menambah baik jati diri dengan berdisiplin dalam melaksanakan perintah Allah Taala seperti melaksanakan ibadah solat dan lain serta sabar. Tambahan pula, bila diamati implikasi nasihat-nasihat luqman dapat menimbulkan kesan yang berkekalan dan relevan hingga kini.

Kesimpulan

Meskipun nasihat Luqman Al-Hakim ini, secara zahirnya seperti nasihat yang biasa sebagaimana seorang bapa yang menasihati anaknya, namun jika ditadabbur dan diteliti nasihat itu, sebenarnya ia mempunyai makna yang mendalam dan suatu nasihat yang tidak tertakluk kepada anaknya sahaja namun juga bersangkutan dengan setiap insan yang bergelar Muslim. Masakan ianya sekadar nasihat yang biasa jikalau Allah S.W.T sendiri merakamkan nasihat beliau itu didalam Al-Quran. Nasihat yang sarat dengan hikmah didalam nya dan dengan nasihat ini sedikit sebanyak dapat membantu membangunkan jati diri Muslim ketika mana menjalani kehidupan seharian agar menjadi Mukmin yang sejati disisi Allah.

Rujukan

- Al-Tsa'labi, A. I. (2004). *Al-Kasyfu wa al-Bayan Fi Tafsiri Al-Qur'an*. Dar Kutub al-Ilmiah.
- Al-Barousawi, I. H. (2013). *Tafsir Ruh Al-Bayan fi Tafsir Al-Qur'an*. Dar Kutub al-Ilmiah
- Abdullah Katutu, & Abur Hamdi Usman. (2015). Lukman Al Hakim Messages: A Theoretical Model on How to Teach In Modern Era. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(6 S4), 175–175. Retrieved from <https://www.richtmann.org/journal/index.php/mjss/article/view/8282>
- Azawiyah binti Abdullah (2017). Pendidikan Luqman al-Hakim : kajian ayat nasihat dan bimbingan surah Luqman. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia. https://etd.uum.edu.my/6953/1/s800746_01.pdf
- Apryani, M. (2021). Pedagogic Concept Surah Luqman Verse 12-19 (Family Education in Surah Luqman). *Proceeding the First International Conference on Government Education Management and Tourism*, 1(1), 551–558. Retrieved from <http://conference.loupiasconference.org/index.php/ICoGEMT/article/view/148>
- Arifin Mamat, & Adnan Abd Rashid. (2013). Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Qur'an sebagai Asas Pendidikan. *SOSIOHUMANIKA*, 6(2). <https://doi.org/10.2121/sosiohumanika.v6i2.487>
- Fahimah, S. (2022). KONSEP PENDIDIKAN ERA MEDSOS: ANALISIS DIMENSI HIFDZ DIN MENURUT LUQMAN AL-HAKIM DENGAN PENDEKATAN MAQASIDI. *MAGHZA: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 7(1), 80–102. <https://doi.org/10.24090/maghza.v7i1.6441>
- Fahrina Yustisari Liriwati, & Armizi Armizi. (2021). Konsep Pendidikan Tauhid Anak Usia Dini Menurut Tafsir Surah Luqman Ayat 13. *Prosiding Pengembangan Anak Usia Dini Holistik Integratif Era Covid 19*, 0(0), 117–124. Retrieved from <http://ejurnal.pps.ung.ac.id/index.php/paudhi/article/view/896>
- Fika Fitrotin Karomah, & Rahmat, A. (2022). MODEL PENDIDIKAN KARAKTER DALAM KISAH LUQMAN AL-HAKIM. *Kariman: Jurnal Pendidikan Dan Keislaman*, 10(1), 101–120. <https://doi.org/10.52185/kariman.v10i1.203>
- Hasyim Asyari. (2020). Pembentukan Spiritualitas dan Karakter Anak dalam Perspektif Lukman al-Hakim. *At-Tarbiyat :Jurnal Pendidikan Islam*, 3(2), 159–171. <https://doi.org/10.37758/jat.v3i2.217>
- Hikmah Di Sebalik Wasiat Luqman AL Hakim - Free Download PDF. (2018). Retrieved December 5, 2022, from Kupdf.net website: https://kupdf.net/download/hikmah-disebalik-wasiat-luqman-al-hakim_5af5727ce2b6f5b90b73f151_pdf
- Hamid, E. A., & Nuraeni Zakiya, R. W. (2020). Tafsir Qur'an Surat Luqman Ayat 12 – 19 Substansinya Dengan Pesan Moral Luqman Alhakim Dalam Pendidikan Islam. *Al - Mujaddid: Jurnal Ilmu-Ilmu Agama*, 2(2), 22–47. <https://doi.org/10.51482/Almujaddid.v2i2.41>
- Kastir, I. U. I. (1990). *Al-Bidayah Wa An-Nihayah*. Maktabah Al-Ma' Arif.
- Muhammad Habibi Hamzah, & Raadliyatush Shalihah. (2019). Urgensi Penanaman Akidah Tauhid Kepada Siswa Telaah Nasehat Luqman Al-Hakim Dalam Kitab Tafsir As Sa'Di. *Tsaqofah: Jurnal Pendidikan Islam*, 3(2), 1–9. Retrieved from <https://jurnal.stitalishlahbondowoso.ac.id/index.php/tsaqofah/article/view/81>
- Mujayyanah, F., Prasetya, B., & Khosiah, N. (2021). Konsep Pendidikan Akhlak Luqmanul Hakim (Kajian Tafsir Al-Misbah Dan Al-Maraghi). *Jurnal Penelitian IPTEKS*, 6(1), 52–61. <https://doi.org/10.32528/ipteks.v6i1.5251>
- Muhammad Shahrulnizam Muhadi. (2018, September 18). IRSYAD AL-FATWA SIRI KE246 : ADALAH LUQMAN SEORANG NABI? Retrieved December 5, 2022, from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan website: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyadfatwa/irsyad-fatwa-umum/2594-irsyad-al-fatwa-siri-ke-246-adalah-luqman-seorangnabi>

- Nasrullah, N., & Khairullah, M. (2018). MENDIDIK ANAK DALAM AL-QUR'AN Kajian atas Teladan Lukman al-Hakim. *SYAHADAH : Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Keislaman*, 6(2), 52–70. Retrieved from <http://www.ejournal.fiaiunisi.ac.id/index.php/syahadah/article/view/231>
- Nisa, S. (2020, December 8). Siapakah Luqman Al-Hakim? – Professor Dr Solehah Yaacob. Retrieved December 24, 2022, from Solehahyaacob.com website: <https://solehahyaacob.com/blog/siapakah-luqman-al-hakim/>
- Rahim, A. (2018). PENDIDIKAN ISLAM DALAM SURAH LUQMAN. *Al Qalam: Jurnal Ilmiah Keagamaan Dan Kemasyarakatan*, 5174. <https://doi.org/10.35931/aq.v0i0.19>
- Rofiqoh, Siti Uswatul. (2015). Nilai-nilai pendidikan karakter dalam kisah Luqman AlHakim: Telaah surat Luqman ayat 12-19 Etheses of Maulana Malik Ibrahim State Islamic University. *Uin-Malang.ac.id*. <https://doi.org/http://etheses.uinmalang.ac.id/5056/1/11110013.pdf>
- Siti Rahayu Nurfitriyah. (2021). LUQMAN AL-HAKIM DALAM KITAB-KITAB TAFSIR. *Uinjkt.ac.id*. <https://doi.org/https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/57065>
- Sapitri, Y., Nurizzati, & Adek, M. (2022). Alih Aksara dan Alih Bahasa Teks Hikayat Wasiat Luqman Al-Hakim. *Diwan: Jurnal Bahasa Dan Sastra Arab*, 14(1), 1–15. <https://doi.org/10.15548/diwan.v14i1.690>
- Sudi, S., Md Sham, F., & Yama, P. (2020). *Iman Kepada Allah Sebagai Asas Kecerdasan Spiritual Muslim* (p. 12). Indonesia: e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020). -jurnal
- Shakib, S. (2012). *MODEL KHIDMAT NASIHAT KELUARGA ISLAM DI INSTITUSI MASJID*. Fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from Fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia website: <http://eprints.utm.my/id/eprint/31406/1/SulaimanShakibPFP2012.pdf>
- Yazidul Busthomi. (2018). *Macam-Macam Bentuk Kecerdasan Spiritual Dalam Konsep Pendidikan Luqman Al-Hakim*. *At-Taahdzib: Jurnal Studi Islam Dan Muamalah*, 6(1), 79–105. Retrieved from <http://ejournal.kopertais4.or.id/mataraman/index.php/taahdzib/article/view/3350>